

Ketegasan Pak Lah bela Islam disokong

Pertubuhan Islam menyambut baik ketegasan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyatakan komitmen berterusan kerajaan mempertahankan kedudukan Islam di negara ini dalam ucapannya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno, kelmarin.

Ketegasan dan pandangan Perdana Menteri itu juga disifatkan sebagai luahan kepekaan dan kebimbangan beliau terhadap kecenderungan segelintir pihak untuk bertindak melampau terhadap isu berkaitan Islam dan agama di negara ini.

Pengerusi Pertubuhan Pembela Islam (Pembela), Yusri Mohamad, berkata pihaknya senada dengan keprihatinan Perdana Menteri mengenai sikap taksub dan keterlaluan sesetengah pihak berhubung isu agama kerana ia boleh menggugat keharmonian masyarakat.

"Sikap keterlaluan boleh menimbulkan suasana tegang dan mengancam kesejahteraan rakyat. Kita sependapat dengan Perdana Menteri bahawa dasar kerajaan berkaitan Islam termasuk Islam Hadhari tidak wajar digunakan sebagai alasan mengemukakan tafsiran dan pendekatan Islam yang beku dan jumud," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini semalam, bagi mengulas ucapan Abdullah kelmarin yang menyentuh mengenai konsep Islam Hadhari yang disalahertikan pihak tertentu sebagai alasan untuk mereka menjadi lebih konservatif serta bersikap radikal.

Sementara itu, Ketua Wanita Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (JIM), Prof Madya Dr Harlina Halizah Siraj, berkata pertubuhan itu menyambut baik ucapan Perdana Menteri dan menolak pandangan golongan radikal yang menyifatkan Islam Hadhari sebagai konsep agama baru.